

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 7(a)

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KETUA JURUTEKNIK MAKMAL (M.9 EB.10)
JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**TARIKH IKLAN: 22 MAC 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 05 APRIL 2025
BILANGAN IKLAN: 2025/MAR/01/KKS**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat KELAYAKAN MINIMUM akan dipanggil Ujiandan/ataudipanggil Temuduga.



**KETUA JURUTEKNIK MAKMAL
JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.9 EB.10 (\$2,035 - \$3,030 EB KHAS \$3,110 - \$3,430 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Science* atau bidang bersesuaian.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Juruteknik Makmal Kanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji M.8 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji M.7 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan kerja-kerja makmal yang khusus atau memperbaiki ujian-ujian makmal yang sedia ada seperti yang diarahkan oleh Pegawai Saintifik;
2. Menyediakan laporan aktiviti bulanan dan juga mengendalikan senarai barang-barang bekalan;
3. Bertanggungjawab dalam pemeliharaan semua alat perkakas makmal yang rutin;
4. Menyediakan dan menghadapkan laporan penilaian prestasi kerja kakitangan teknikal di bawah jagaannya;
5. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa; dan
6. Membantu dalam penyeliaan juruteknik-juruteknik makmal.



**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN,
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Emel : recruitment.ahp@moh.gov.bn

No.Tel : 2383020